

PERDANA LIBRARY  
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION  
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	30 JAN 2015

## Najib ziarah Nik Aziz

um - 30/1/2015

**KOTA BHARU 29 Jan.** - Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak meluangkan masa untuk melawat Mursyidul Am Pas, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat yang sedang dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU) Hospital Universiti Sains Malaysia (HUSM) hari ini.

Beliau yang tiba kira-kira pukul 2.15 petang itu diiringi oleh Menteri Besar, Datuk Ahmad Yakob; Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Mustapa Mohamed; Pengarah Jabatan Pembangunan Persekutuan (JPP) negeri, Datuk Makhtar Mustapha dan anak bekas Menteri Besar itu yang juga Ahli Parlimen Pasir Mas, Nik

Mohamad Abduh.

Perdana Menteri meluangkan masa kira-kira 10 minit bagi melihat sendiri perkembangan kesihatan bekas Menteri Besar itu yang dirawat di hospital berkenaan sejak 20 Januari lalu.

Nik Aziz yang dikesan menghidap kanser prostat sejak lima tahun lalu kini dilaporkan semakin sihat malah Nik Abduh sebelum ini turut membayangkan bapanya itu akan dibenarkan pulang ke rumah dalam tempoh terdekat.

Malah, Nik Abduh turut mengaku bapanya kini menunjukkan perkembangan positif malah sudah mampu duduk di atas kerusi roda.